



buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKAH PERCUMA

EDISI
JAN - APR 2022

01/22

25 TAHUN *Penuh Kemakmuran*



Sambutan JUBLI PERAK MPS 25 TAHUN PENUH KEMAKMURAN DIANGKAT SEBAGAI TEMA



03

Amanat Tahun Baharu
2022 Dan Pelancaran
Logo 25 Tahun



09

Program cabutan
bertuah cukai taksiran
MPS



10

Majlis anugerah
perkhidmatan
Cemerlang 2021

DARI MEJA YDP

BIL 1/2022 Jan - Apr



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBRs. Tuan Mohd Yazid B. Sairi
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Ir. Haji Cheremi B. Haji Tarman
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin B. Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi B. Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG

Cik. Norillyana Bt. Roslan
Norillyana.roslan@mps.gov.my
Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza Bt. Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis B. Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman
mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

JURUFOTO

Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun B. Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728

E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Tollfree: 1800-222-677

Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera,

Alhamdulillah, dipanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya terhasillah buletin Selayangku Sayang Bil.3/2021 untuk tatapan kita sekali lagi.

Syukur Alhamdulillah, kita dapat juga menghabiskan tahun 2021 ini dengan jayanya meskipun tahun ini merupakan tahun yang amat mencabar buat kita semua dalam mengharungi penularan pandemik Covid-19. Sepanjang tahun ini, MPS telah berjaya mengharungi cabaran di era pandemik Covid-19 dan berjaya mencapai kejayaan-kejayaan di peringkat kerajaan tempatan, negeri dan sebagainya.

Menyentuh mengenai pencapaian-pencapaian MPS sepanjang tahun 2021, bagi saya MPS telah mencapai prestasi yang membanggakan. Antaranya ialah pasukan SMART SCAPE daripada Jabatan Landskap telah berjaya merangkul tempat kedua dalam pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor melalui ciptaan *My Auger All In One* dan turut menerima Anugerah Bandar Mampan Tahun 2021 kategori Perbandaran di tempat ketiga dalam pertandingan yang melibatkan seluruh 149 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam negara.

Selain itu, MPS turut meraih Anugerah *Gold Award* dalam audit oleh *Malaysian Society of Occupational Safety and Health Award 2021* dan memenangi kategori *Diamond Award* untuk inisiatif di bawah Kementerian Air dan Sumber Asli bagi *Low Carbon City*. Baru-baru ini juga, MPS turut memenangi Pertandingan Piala Inovasi MALA 2020 (Piala Yang Berhormat Menteri KPKT) anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) dengan menerima Geran KPKT RM25,000. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga MPS. Semoga pencapaian-pencapaian ini dapat kita kekalkan dan tingkatkan pada tahun 2022 di mana MPS akan menyambut sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS pada tahun hadapan.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada warga MPS yang telah bersama-sama menyumbang kepada kecemerlangan yang telah dikecapi sepanjang tahun 2021 dan berharap agar kita semua dapat melipat gandakan usaha serta dapat memberikan komitmen yang berterusan demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekian. Terima Kasih.

(YBRs. TUAN MOHD YAZID B. SAIRI)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang



AMANAT TAHUN BAHARU YDP MPS 2022 DAN PELANCARAN LOGO SEMPERNA SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK MPS

MPS membuka lembaran tahun 2022 dengan Penyampaian Amanat Tahun Baharu 2022 dan Pelancaran Logo sempena Sambutan 25 Tahun MPS yang telah dirasmikan oleh Tuan YDP MPS.

Majlis diadakan secara hibrid pada 10 Januari 2022 di Bilik Keraian, Menara MPS ini dihadiri oleh Tuan TYDP, ketua-ketua WHIP Ahli Majlis dan para pengarah jabatan. Turut diadakan, penyampaian sumbangan

bantuan bencana alam kepada 8 orang kakitangan MPS yang terkesan dengan musibah banjir besar dan tanah runtuh yang melanda Negara.



AMANAT YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR 2022

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyampaikan Amanat tahun baharu 2022 pada 24 Januari 2022 bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. YAB Dato' Seri memuji komitmen penjawat awam pentadbiran kerana selama dua tahun berturut-turut berjaya mencapai sasaran kutipan hasil negeri meskipun dihipit pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan. Kutipan hasil yang memberangsangkan ini akan membantu bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan dan program-program kebajikan untuk rakyat.

Semua kakitangan MPS juga turut serta menonton secara dalam talian.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT SEMPERNA SAMBUTAN 25 TAHUN MPS

MAJLIS Bacaan Yasin dan Doa Selamat tanda membuka tirai sambutan 25 Tahun di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves disertai oleh Tuan YDP MPS, pihak pengurusan MPS bersama-sama para Penyelaras DUN, ahli majlis, wakil komuniti, wakil-wakil jabatan dan agensi daerah Gombak dan para kariah masjid. Turut hadir mantan Yang Dipertua iaitu Dato' Haji Bakarudin dan Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor.

Acara dimulakan dengan Solat Maghrib dan diteruskan dengan bacaan Yasin serta doa selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Jamek Al-Amaniah. Majlis diakhiri diadakan penyampaian sumbangan oleh MPS kepada pihak masjid.



PERTANDINGAN KOTAK MISTERI EKSA SEMPENA PROGRAM GOTONG-ROYONG EKSA MPS 2022

JAWATANKUASA Induk Promosi EKSA menganjurkan Pertandingan aktiviti EKSA dengan memuat naik aktiviti EKSA ke laman media sosial bagi merebut hadiah kotak misteri. Pertandingan ini berlangsung dari 17 hingga 20 Mac 2022 melibatkan penyertaan dari semua zon EKSA MPS. Tahniah diucapkan kepada 10 orang pemenang yang diumumkan melalui Facebook rasmi EKSA MPS



AUDIT DALAMAN EKSA MPS

PELAKSANAAN pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MPS pada 21 hingga 29 Mac 2022 melibatkan semua zon. Penilaian yang dibuat adalah untuk kriteria keperluan utama pelaksanaan (Kompenan A), ruang tempat kerja / pejabat (Kompenan B), tempat umum (Kompenan C), keselamatan persekitaran (Kompenan D), kawasan persekitaran jabatan (Kompenan E) dan tempat khusus (Kompenan F). Laporan penambahbaikan akan dihantar untuk penilaian ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) BAGI PENYEDIAAN SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGS) ROADMAP

SESI Focus Group Discussion (FGD) bagi penyediaan Sustainable Development Goals (SDGs) Roadmap ke arah Pelaporan Volunteer Local Review (VLR) Majlis Perbandaran Selayang diadakan pada 17 dan 18 Mac 2021 di Everly Hotel, Putrajaya. Sesi FGD dengan kerjasama Urbanice Malaysia ini disertai oleh Tuan YDP MPS, Tuan TYDP MPS, Ahli-Ahli Majlis, para pengarah dan pegawai jabatan. Sesi perbincangan berkumpulan bagi memperincikan matlamat Sustainable Development Goals di MPS ke arah perbandaran mampan dikendalikan oleh Tuan Dr. Azmizam Abd Rashid, Timbalan Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia. Turut hadir Puan TPr. Ts. Norliza Binti Hashim, Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia.



PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN (KTK)

TAKLIMAT berkenaan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) di MPS pada 21 April 2021 di Dewan Beringin Taman Seri Gombak bersama-sama pengusaha premis kilang dan pemilik tanah di kawasan Rawang dan Kampung Kerdas, Gombak. Seramai 211 peserta terdiri daripada pengusaha, pemilik kilang dan pemilik tanah turut serta. Hadir sama Tuan TYDP MPS; YB Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang; YB Sany Mohd Hamzan, Ahli Dewan Negeri Taman Templer; wakil PTD Gombak; Ahli-Ahli Majlis; para pengarah jabatan dan wakil-wakil jabatan serta agensi Daerah Gombak. Kaunter jabatan-jabatan teknikal MPS yang berkaitan turut dibuka bagi memudahkan sebarang pertanyaan daripada pihak pemilik atau pengusaha premis.



TAKLIMAT PENYEDIAAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (PEMURNIAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH)

TAKLIMAT Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Majlis Perbandaran Selayang pada 7 hingga 8 Mac 2022 di Mercure Hotels, Selayang disampaikan oleh penceramah, Encik Azuan bin Adzhar Penolong Pesuruhjaya, Ketua Unit, Unit Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Selangor.

Seramai 45 peserta terlibat dan mencapai matlamat serta objektif yang telah ditetapkan dan menjadi sebagai garis panduan kepada warga MPS dalam memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra dapat direalisasikan. Ia juga dapat meningkatkan kefahaman dan memperkemaskan tadbir urus pengurusan risiko rasuah di organisasi.



PERTANDINGAN 'CETUS IDEA KIK' PERINGKAT MPS TAHUN 2022

PERTANDINGAN 'Cetus Idea KIK' Peringkat MPS Tahun 2022 diadakan pada 15 April 2022 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Sebanyak 17 kumpulan telah mengambil bahagian terdiri daripada pelbagai jabatan dalaman MPS. Sesi penjurian bagi pertandingan ini diketuai oleh Tuan YDP bersama-sama Tuan TYDP dan Tuan Sulaiman bin Abu Samah, Ahli Majlis Zon 14.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta merangkul tempat pertama dan mendapat anugerah persembahan terbaik, kedua ialah Jabatan Pelesenan, manakala ketiga ialah Jabatan Landskap. Kumpulan yang telah berjaya akan terpilih untuk menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS).



LAWATAN TYDP KE GAMUDA GARDEN

TUAN Ir. Hj. Cheremi bin Hj Tarman, TYDP MPS bersama-sama Tuan LAr. Mokhtar Affandi bin Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Landskap dan wakil-wakil daripada Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Korporat telah mengadakan lawatan tapak ke Gamuda Garden Central Park pada 12 Januari 2022.

Objektif lawatan tapak ini adalah untuk melihat pembangunan landskap, fasiliti yang telah disediakan dan perancangan projek-projek yang bakal dibangunkan pada masa akan datang.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (PENGURUSAN) KE MPS

MPS menerima kunjungan hormat daripada YBrs. Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) pada 28 Februari 2022 di Bilik Anggerik, Menara MPS bertujuan untuk membincangkan tentang isu pembakaran daging khinzir dan penyalahgunaan premis kediaman di kawasan pentadbiran MPS.

Turut hadir Puan Nor Azurah binti Nasir, Setiausaha Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS; Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS dan Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPS.



AHLI JAWATANKUASA ANTI-BRIBER MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) ADAKAN LAWATAN KERJA KE MBSA

MPS telah mengadakan lawatan Kerja Ahli Jawatankuasa Anti-Bribery Management Systems (ABMS) ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 4 Februari 2022 melibatkan 19 ahli jawatankuasa ABMS termasuk ketua skop. Turut hadir Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS.

Objektif lawatan adalah untuk meningkatkan kefahaman ahli jawatankuasa ABMS berkaitan pengenalan pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan meningkatkan pengetahuan serta dapat memahami bagaimana ISO 37001:2016 mampu membantu dalam mengurangkan isu rasuah dalam sesebuah organisasi.



LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA MAJLIS DAERAH PEKAN

MPS amat berbesar hati menerima lawatan penandaarasan daripada Majlis Daerah Pekan yang diketuai oleh YBrs. Tuan Mohd Nasir bin Jusoh, Setiausaha Majlis Daerah Pekan bersama 10 orang kakitangan pada 10 Mac 2022 di Bilik Siantan, Menara MPS. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi tentang pelaksanaan dan pensijilan ISO/IEC 27001:2013 di MPS sebagai penandaarasan Majlis Daerah Pekan. Taklimat disampaikan oleh Puan Zuriati binti Karia, Team Leader ISO/IEC 27001:2013 MPS.



KUNJUNG HORMAT LEMBAGA PEMASARAN DAN PERTANIAN (FAMA) WILAYAH PERSEKUTUAN

MPS menerima lawatan daripada Lembaga Pemasaran dan Pertanian (FAMA) Wilayah Persekutuan diketuai oleh YBrs. Encik Asmuae bin Ahmad Yunus, Timbalan Pengarah FAMA Wilayah Persekutuan bersama 4 orang kakitangan pada 11 Mac 2022 di Bilik Anggerik, Tingkat 9 Menara MPS bagi menerangkan fungsi dan inisiatif yang dijalankan oleh pihak FAMA kepada Tuan YDP MPS yang baharu. Turut dibincangkan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak FAMA Wilayah Persekutuan berkaitan persempadanan dan permit penjaja tani FAMA. Turut hadir Puan Zulaina binti Abu Talib, Pengarah Jabatan Pelesenan, wakil dari Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan MPS.



KUNJUNGAN HORMAT UIA KE MPS

MPS berbesar hati menerima lawatan kunjung hormat dari IIUM, Gombak pada 12 April 2022 di Pejabat Tuan YDP MPS. Deligasi IIUM diketuai oleh Assoc. Prof. Dr. Norsaremah Salleh (Asistant Advisor, Abu Hurairah Club, IIUM) bersama-sama 3 orang kakitangan. Jalinan kolaborasi ini adalah sebagai titik mula kerjasama strategik antara MPS dan IIUM di masa akan datang. Antara perkara yang dibincangkan adalah memastikan penjagaan haiwan terbiar terutama kucing dan anjing dibela. Turut hadir Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Sisa Pepejal & Kesihatan dan Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat.



LAWATAN DARIPADA INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

MPS menerima lawatan daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang diketuai oleh YBrs. Dr Ismail bin Haji Parlan, Ketua Pengarah FRIM bersama 4 orang kakitangan pada 16 Mac 2022 di Bilik Anggerik, Tingkat 9 Menara MPS.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah sebagai kunjungan hormat disamping menerangkan fungsi dan inisiatif yang dijalankan oleh pihak FRIM. Turut dibincangkan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak FRIM berkaitan isu sampah, anjing liar, isu cerun dan penanaman pokok di FRIM. Turut hadir bersama Tuan YDP MPS dalam sesi lawatan ini ialah En Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat; Tuan Ir Haji Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya, Pengarah Jabatan Kejuruteraan; Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Sisa Pepejal & Kesihatan; Tuan LAr. Mokhtar Affendi bin Abd Ghani, Pengarah Jabatan Landskap dan Puan TPr. Ts. Noriza binti Bahari, Pengarah Jabatan Perancang Bandar.



KUNJUNGAN HORMAT MELATI EHSAN KE MPS

MPS amat berbesar hati menerima kunjung hormat daripada Melati Ehsan Group of Companies diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dato' Yap Suan Chee, CEO Melati Ehsan Group pada 7 Januari 2022 di Bilik Anggerik, Tingkat 9 Menara MPS. Tujuan kunjung hormat ini untuk memberi keterangan lebih terperinci berkenaan projek-projek di Bayu Selayang Height, Pembangunan Kolam Air Panas, Bayu Resident Kg. Sri Temenggung dan Pembangunan Mampu Milik Sri Makmur.

Turut hadir bersama Tuan YDP MPS ialah Tuan Ir Haji Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya, Pengarah Jabatan Kejuruteraan; Puan Sr. Norshima binti Norzlan, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta; Tuan LAr. Mokhtar Affendi bin Abd Ghani, Pengarah Jabatan Landskap; Puan TPr. Ts. Noriza binti Bahari, Pengarah Jabatan Perancang Bandar; Puan Rusni binti Abdullah@Long, Pengarah Jabatan Bangunan dan Encik Shamsul Azlan bin Mohamad Anuar, Pengarah Jabatan Pusat Setempat (OSC).



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

PERTANDINGAN PROGRAM KITAR SEMULA E-WASTE DAN PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI PERINGKAT MPS TAHUN 2021

MPS menganjurkan Pertandingan Program Kitar semula E-Waste dan Penggunaan Minyak Masak Peringkat Zon Jawatankuasa Penduduk pada bulan Mac hingga Oktober 2021. Sesi penyampaian hadiah bagi pertandingan ini diadakan pada 28 Mac 2022 selepas Mesyuarat Majlis Perbandaran Selayang Bil.3/2022. Penyerahan hadiah telah disampaikan oleh Tuan YDP MPS Bersama Tuan Timbalan YDP dan Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Sisa Pepejal dan Keselamatan.



PROGRAM EARTH HOURS 2022

MENARA MPS 'bergelap' seketika apabila lampu dipadamkan pada pukul 8.30 hingga 9.30 malam sempena Program Earth Hours 2022 yang disambut di seluruh dunia pada 26 Mac 2022.

Earth Hour merupakan acara tahunan yang disambut pada hari Sabtu terakhir bulan Mac di seluruh dunia dimana lampu dan kuasa elektrik dipadamkan selama satu jam untuk membangkitkan kesedaran ke atas perubahan iklim.



MPS ANJUR PROGRAM KUCING ANGKAT - WE LOVE CAT

MAJLIS Perbandaran Selayang buat julung kalinya menganjurkan program "Kucing Angkat – We Love Cat" pada 22 April 2022 yang berobjektif untuk mencari rumah baharu buat kucing-kucing terbiar yang ditangkap oleh pihak MPS. Sebanyak 50 ekor kucing daripada pelbagai baka telah ditawarkan untuk dipelihara oleh orang ramai yang berminat dan sebanyak 13 kucing berjaya bertemu penjaga baharu.

MPS juga amat berbesar hati atas sokongan dan lawatan dari Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Encik Arie Dwi Andika. Pihak MPS akan terus mengadakan program-program sebegini selain bekerjasama dengan pihak NGO dan juga pemimpin setempat untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu kebajikan dan mendidik masyarakat tentang haiwan jalanan.



PROGRAM CABUTAN BERTUAH 2021 BAGI MENGHARGAI PEMBAYAR CUKAI MPS

SERAMAI 14 orang pembayar cukai taksiran berjaya memenangi Program Cabutan Bertuah 2021 MPS pada 28 Februari 2022. Majlis ini telah dipancarkan secara langsung menerusi laman Facebook MPS. Program cabutan bertuah ini diadakan khusus untuk menghargai pembayar cukai taksiran MPS yang telah mendaftar dan membuat bayaran melalui portal <https://mymps.mps.gov.my/>.

Antara hadiah menarik yang telah dimenangi adalah wang tunai berjumlah RM5,000, telefon pintar dan barangan elektrik. Sesi cabutan 14 hadiah utama ini disampaikan oleh Tuan YDP MPS, Tuan TYDP MPS, Tuan U Chin Ong dan Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim, Ketua WHIP Ahli Majlis MPS. Selain itu, 45 orang pembayar cukai turut menerima hadiah cabutan bertuah berupa

wang tunai saguhati bernilai RM100 setiap seorang.



Imbas kod QR ini untuk melihat lebih banyak gambar Program Cabutan Bertuah 2021





ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021

MAJLIS Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPS Tahun 2021 diadakan pada 1 April 2022 di Templer's Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang. Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

serta menyampaikan penghargaan kepada 20 orang pesara MPS.

Majlis turut dihadiri oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS; YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi,

Setiausaha Politik Kawasan DUN Sungai Tua; wakil PTDG Gombak; Ahli Majlis MPS dan pengarah jabatan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima APC yang diraikan pada kali ini.

APC MPS 2021 telah memberikan pengiktirafan kepada 86 orang kakitangan





Imbas kod QR ini untuk melihat lebih banyak gambar Anugerah perkhidmatan Cemerlang



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021

1 APRIL 2022 | 3.00 PETANG | SETIA ECO TEMPLER, RAWANG

Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

- | | | | | | | | | | | | |
|--|---|--|---|---|--|---|--|--|--|---|---|
| 
ABDUL KADER BIN AHMAD
Pengarah Urusan, Unit 122
Jabatan Perkhidmatan | 
U. HAJI SAIFUL NUZUL BIN MOHD JAYA
Jurutera
Jabatan Perkhidmatan | 
HAJI MOHD YUSOFF BIN ABDULLAH ZAMANI
Jurutera
Jabatan Perkhidmatan | 
ZURIANI BINTI KARIM
Pengarah, Persekitaran, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
ROHMAH NUR BINTI MOHD SAIFUDDIN
Akauntan
Jabatan Perkhidmatan | 
AHMAD FATHIN BIN ZURZAL
Jurutera
Jabatan Perkhidmatan | | | | | | |
| 
AIZAN BINTI ZABARI
Penolong Pegawai
Jabatan Perkhidmatan dan
Jabatan Kesihatan | 
SITI NUR HAFIZAH BINTI AHMAD ZUHRI
Penolong Pegawai
Serdamai
Jabatan Perkhidmatan | 
ROZAYANA BINTI AQ. SAIFUL
Penolong Pegawai
Serdamai
Jabatan Perkhidmatan | 
NORLIYANA BINTI ROGLAN
Penolong Pegawai
Serdamai
Jabatan Perkhidmatan | 
AHMAD SAIFUDDIN BIN ABDUL HAMED
Penolong Pegawai
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
NOH AZELLA BINTI MAT SAM
Penolong Pegawai
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MOHD NAIM BIN MOHD KARIM
Penolong Pegawai
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
SITI AMALINA BINTI ANWAR LITA
Penolong Pegawai
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan dan
Dua (DUA) Jabatan Persekitaran & Kualiti | 
SITI FARIZAH BINTI KOOLAN
Penolong Pegawai
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MUHAMMAD FARID BIN AQ. SAIFUL
Penolong Pegawai
Keselamatan, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MUHAMMAD RAKAADIAH BIN SAIFUDDIN
Penolong Pegawai
Keselamatan, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
AHMAD FAKHRI BIN AZMAN
Penolong Pegawai
Keselamatan, Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan |
| 
ZAINARA BINTI MD. SALLAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran | 
SHAH BINTI ANNU
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
NUR SUKAYATI BINTI YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
SITI NURHAFFIZA BINTI MOHD SHAMS
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
LIANA BINTI ABDULLAH @ SAM
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
AZZAHRAH BINTI MOHD DAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
NURHAN BINTI SHAMSUDDIN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MOHD FAZIL BIN SULAIMAN @ SIMAL
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
FAZLI HAZI BIN ABDULLAH SAM
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
INTAN NURHUDA BINTI ABDUL RAHMAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
NUR SYAHIRA BINTI ABDUL RAHMAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MOHD AZEAN BIN YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan |
| 
NAJAH JAMALIAH BINTI AHMAD
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
RAHMAT BIN ABDUL RAHMAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
FAZLAN BINTI ADAM
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
SALAHAN BINTI ABU BAKAR
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
JAMALIN BINTI NURHAFFIZA YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
MOHD BASHIR BIN MOHD ALI
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
AID AZIZ BIN MOHD RAZALI
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
SHAHRULNIZAM BIN ZALLEN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
SHEREH MOHD MUHAMMAD RIDWAN BIN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
MOHD KHAIROL AFFIAN BIN MOHD AZIM
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
NURI AL KARIPPAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
SARINA BINTI MAT YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan |
| 
ABDUL RAIF BIN MAT RAMIN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
NORLIZA BINTI HUSEIN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
QURATUN AIN BINTI SULAIMAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
NUR AFIQAH BINTI ABDUL AZIZ
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
ISMAILY @ MOHD. NUZUL BIN AMIR
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
DZULHIKMAH BINTI NURHAFFIZA YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
NUR HASMAWATI
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MUHAMMAD NAJMI BIN A. SAIFUL
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MATNAN BINTI MAT DITA
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
HAJI ISHAR BIN SHAMSUDDIN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
ROSLINA BINTI MASLAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
NOOR AIN BINTI TEMAL
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti |
| 
KADIR BIN HJ. IBRAHIM
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Keselamatan | 
NORHALA BINTI SAIFUL
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MOHD FARID BIN YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MOHD YUSOFF BIN AMIR
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
NAZULIANA BINTI NURHAFFIZA YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MUHAMMAD AZAM BIN YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MUZAMIL AL VEERHAN BIN A. SAIFUL
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MOHD NATZI BIN DITA
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
AFANDI BIN MAT DITA
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
ZAMAHIR BIN ABDUL MASLAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Perkhidmatan | 
MUHAMMAD FAHMI IZZUDIN BIN HUSEIN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MOHD SHAMSI BIN AZMAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti |
| 
MUHAMMAD SAIFUDDIN BIN MOHD YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
SARWANAN A.L. CHANTAWAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MOHAMMAD SAIFUDDIN BIN YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MOHAMMAD SYARIF BIN MOHD SAIFUL
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
NORHAFFIZ BIN JAMI
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
KALAI SELVAM A.P. SURESH
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
THIRAPHAN A.P. SURESH
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
AHMAD ZEIDAN BIN SHAMSUDDIN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MOHD AZMAN BIN MOHAMMAD YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
FAZLAN BIN STARFA
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
SULAIMAN BIN YANYAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MOHD SHAMSI BIN AZMAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti |
| 
C. LWINAN A.L. GUNGAKARAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MOHD RIDWAN BIN HANZAN
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | 
MOHD FAZUL HISHAM BIN MAT YUSOFF
Penolong Pegawai
Keselamatan & Kualiti
Jabatan Persekitaran dan
Persekitaran, Keselamatan & Kualiti | | | | | | | | | |

MAJLIS RAPAT RAHMAH RAMADAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR

MAJLIS Rapat Rahmah Ramadan YAB Dato' Menteri Besar Selangor bersama Penjawat Awam Negeri Selangor yang dihoskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 8 April 2022 secara hibrid. Majlis ini telah diikuti secara langsung menerusi dalam talian oleh barisan pengurusan tertinggi dan kakitangan MPS..



DATO' MENTERI BESAR SELANGOR SUMBANG RM 5,000 KEPADA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPS

TERIMA kasih diucapkan kepada Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor atas sumbangan RM 5,000 kepada Kelab Sukan Dan Kebajikan MPS. Sumbangan ini diterima oleh Tuan YDP MPS semasa Majlis Berbuka Puasa bersama Agensi / Jabatan Kerajaan Daerah Gombak pada 9 April 2022.



PROGRAM SAMBUTAN HARI WANITA MPS 2022

MPS telah mengadakan Program Sambutan Hari Wanita anjuran Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga MPS pada 19 Mac 2022 di FRIM, Kepong.

Seramai 60 orang peserta terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis Wanita, Pengarah-Pengarah wanita MPS, Ahli Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita & Keluarga MPS, Kakitangan wanita MPS serta urus setia daripada jabatan dalaman MPS telah berpeluang untuk melakukan aktiviti riadah yang menarik iaitu Forest Skywalk dan juga Nature Trekking.



MAJLIS SERAHAN KAMI PRIHATIN SEMPENA SAMBUTAN SYAWAL

MAJLIS serahan Kami Prihatin anjuran bersama ANULAE Cawangan MPS dan Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) sempena sambutan syawal 1443H | 2022M kepada ahli-ahli diadakan pada 23 April 2022. Penyerahan sumbangan oleh Tuan YDP MPS dan Pengerusi ANULAE Cawangan MPS.

Diharap bantuan yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu dalam perbelanjaan keluarga menjelang Syawal.



PENYERAHAN SUMBANGAN LOGISTIK KEPADA IPD GOMBAK DAN IPD SUNGAI BULOH

MPS menyerahkan sumbangan logistik kepada Pusat Operasi agensi Barisan Hadapan dalam penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh pada 21 April 2022 di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak seperti 4 unit khemah bersaiz 20x20, 4 unit meja banquet dan 30 unit kerusi plastik. Bagi peralatan yang diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh adalah 3 unit khemah bersaiz 20x 20, 3 unit meja banquet dan 30 unit kerusi plastik serta disampaikan oleh Puan Sr. Norshima binti Norzlan, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta mewakili YDP MPS dan diserahkan kepada wakil Ketua Polis Daerah Gombak iaitu Supt. Noor Ariffin Bin Mohd Nasir, Timbalan Ketua Polis Daerah Gombak. Manakala Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh diwakili oleh ASP Alias bin Timin, Ketua Bahagian Ketenteraman Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Daerah Sungai Buloh.



SESI TAKLIMAT BERSAMA PENGELOLA BAZAR RAMADAN TAHUN 2022 MPS

SESI taklimat kepada pengelola Bazar Ramadan 2022 diadakan pada 17 Mac 2022 di Bilik Siantan, Tingkat 1, Bangunan Lama MPS melibatkan pengelola bazaar Ramadan dari 20 JKP dan 9 Persatuan bagi 29 lokasi Bazar Ramadan untuk tahun ini.

Taklimat yang disampaikan oleh Encik Zariman bin Ibrahim, Timbalan Pengarah Jabatan Pelesenan dan juga pegawai dari beberapa jabatan dalaman MPS dan agensi luar bertujuan untuk memastikan semua penganjur maklum tentang pengurusan yang lebih sistematik, mematuhi syarat permit, pengurusan sisa pepejal yang baik serta pematuhan SOP penganjuran Bazar Ramadan tahun 2022.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN SAMBUTAN BULAN RAMADAN AL-MUBARAK 1443H

MAJLIS Perhimpunan Bulanan bagi bulan April dan sambutan bulan Ramadan Al-Mubarak 1443H Peringkat MPS diadakan pada 5 April 2022 di Bilik Keraian, Tingkat 8 Menara MPS. Turut diadakan penyampaian hadiah pertandingan stor terbaik MPS 2021 dan simbolik penyerahan sumbangan pek makanan kepada kakitangan MPS sempena menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak. MPS bersama KSDK dan ANULAE MPS turut berkesempatan mengadakan ceramah agama bersama penceramah jemputan, Al Fadhil Ustaz Haji Zuhazwan bin Ismail. Majlis ini dihadiri oleh Tuan YDP, Tuan TYDP dan turut disaksikan oleh Ahli Majlis dan warga kerja MPS secara dalam talian..



KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPS ANJUR PROGRAM PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK DAN DODOL

TUAN YDP, Tuan TYDP, YAD Tan Sri Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak merangkap Ahli Majlis MPS dan Tuan Wan Anwar Wan Ibrahim, Ahli Majlis MPS telah hadir berkunjung ke Program Memasak Bubur Lambuk dan Dodol sempena Bulan Ramadan 1443H anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan MPS pada 21 April 2022 di tempat letak kereta Menara MPS. Bertemakan 'Rewang Retro' program ini disertai oleh kakitangan daripada setiap jabatan dalaman MPS. Sebanyak 17 periuk bubur lambuk dan 1 kualiti dodol telah dimasak dan seterusnya dibungkus untuk diagihkan kepada seluruh kakitangan MPS. Pihak KSDK turut menyumbang pek bubur lambuk kepada orang awam yang datang berurusan di MPS serta anggota polis yang bertugas di IPD Gombak. Bagi memeriahkan program, turut diadakan acara cabutan bertuah dan pertandingan-pertandingan sampingan khusus untuk kakitangan yang menyertai program ini.



PROGRAM TADARUS AL-QURAN PERINGKAT MPS TAHUN 2022

PROGRAM tadarus anjuran KSDK, ANULAE, AKRAB & MBJ MPS ini diadakan pada setiap hari Isnin hingga Rabu sepanjang bulan Ramadan di Surau Menara MPS. Program ini diketuai oleh Tuan Timbalan Yang Dipertua MPS dan turut disertai oleh Tuan Yang Dipertua MPS. Seramai 30 orang peserta telah menyertai program tadarus pada kali ini.



PROGRAM TADARUS AL-QURAN (WANITA) 2022 ANJURAN BERSAMA KSDK DAN ANULAE MPS

PROGRAM Tadarus al-Quran (Wanita) anjuran bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS & ANULAE Cawangan MPS pada 12 & 13 April 2022 serta Majlis Khatam al-Quran pada 15 April 2022 di Surau MPS. Seramai 64 orang staf wanita MPS menyertai program ini diketuai oleh Puan Norazlin Samsudin, Mantan Ahli Majlis MPS.

Tahniah kepada semua peserta tadarus wanita MPS. Tahniah juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Biro Wanita KSDK MPS diatas kejayaan program ini.



PROGRAM 'SATU JAM BERSAMA AL-QURAN' SEMPERNA WORLD #QURANHOUR 2022

MPS menganjurkan program 'Satu Jam bersama Al-Quran' sempena World #QuranHour 2022 yang berlangsung secara serentak di seluruh dunia pada 24 Ramadan 1443H bersamaan 26 April 2022 bermula pukul 12.30 hingga 1.30 tengah hari di Surau Menara MPS. Bertemakan "Berinteraksi dengan Al-Quran : Dunia Berbudi dan Penyayang", World #QuranHour yang disambut kali ke-7 ini membawa misi Surah As-Sajdah sebagai surah utama. Sesi tazkirah berkaitan Surah Al-Sajdah juga disampaikan oleh Encik Mohamad Faiz bin Omar dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPS.



PROGRAM IHYA RAMADAN MPS SANTUNI PERTUBUHAN AMAL SIRAMAN KASIH

PROGRAM Ihya Ramadan MPS diadakan bagi menyantuni Pertubuhan Amal Siraman Kasih di Bandar Country Homes pada 25 April 2022. MPS menyerahkan sumbangan wang tunai RM 2,000 beserta barang keperluan berbentuk barangan elektrik. Turut diadakan serahan sumbangan sepasang baju raya dan duit raya kepada 46 orang anak-anak yatim serta 20 orang penjaga Pertubuhan Amal Siraman Kasih. Ybrs. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS diiringi oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS bersama Encik Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat serta En Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat menyampaikan sumbangan kepada yang memerlukan.



MAJLIS CERAMAH AMBANG SYAWAL 1443H ANJURAN ANULAE MPS

MAJLIS Ceramah Ambang Syawal 1443H anjuran Anulae MPS dengan kerjasama KSDK MPS telah diadakan secara hibrid pada 27 April 2022 di Bilik Keraian, Tingkat 8, Menara MPS. Tirai majlis dibuka dengan sesi ceramah agama bersama penceramah jemputan iaitu Ybng. Dato' Ustaz Mohd Nizam bin Kamaruzaman yang bertajuk 'Endemik Syawal, Ibadat Jangan Lupa'.

Sejurus selepas itu, diadakan acara-acara penyampaian iaitu penyampaian cenderahati peserta Program Tadarus MPS 2022, penyampaian sumbangan oleh KSDK kepada anak yatim warga MPS, penyampaian hadiah Pertandingan "Cetus Idea KIK" MPS Tahun 2022 dan pertandingan 'Voice of Ramadan' MPS. 2022..



PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM DAN PEMBAKARAN TERBUKA DI TAMAN RAINTREE, BATU CAVES

MPS telah mengenakan tindakan kompaun sebanyak RM1,000 kepada seorang pesalah yang didapati melakukan pembuangan sampah secara haram dan pembakaran terbuka di Taman Raintree, Batu Caves. Tindakan dilakukan hasil daripada bukti rakaman CCTV pada 9 Januari 2022 yang diletakkan di kawasan hotspot tersebut.

Tindakan tidak bertanggungjawab ini telah menyebabkan kacau ganggu dari segi kebersihan dan juga asap pembakaran yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.



OPERASI MEMBANTERAS PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

TIGA buah lori sampah telah disita oleh pihak Penguatkuasa MPS kerana melakukan aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan Lot 2076, Masjid Zakariah, Batu 8 1/2 Jalan Gombak. Tindakan penguatkuasaan itu dibuat dalam satu operasi membanteras pembuangan sampah haram pada 11 Februari 2022.

Kompaun sebanyak RM1,000 dikenakan kepada pemilik-pemilik lori dan kesemua lori terbabit seterusnya dibawa ke Bengkel MPS di Rawang untuk tindakan selanjutnya.



SYARIKAT JALAN AKTIVITI BENGKEL HARAM DI BELAKANG PREMIS DIKENAKAN TINDAKAN



SEBUAH syarikat percetakan dan sebuah bengkel membaiki kenderaan di Taman Sunway Batu Caves dikenakan kompaun RM1,000 dan lesen perniagaan ditarik kerana didapati melanggar syarat lesen apabila menjalankan aktiviti pembaikan kenderaan berat secara haram di bahagian lorong belakang premis masing-masing.

Pemilik syarikat percetakan turut dikompaun RM500 atas kesalahan menjalankan aktiviti bengkel pembaikan kenderaan haram, manakala pemilik bengkel turut dikenakan kompaun yang sama kerana meletakkan kenderaan berat yg dibaiki di bahu jalan sehingga menimbulkan kekotoran, halangan dan kacau ganggu kepada penduduk sekitar.

KESALAHAN PEMBINAAN TANPA KELULUSAN, MPS ROBOH 1 UNIT BANGUNAN DI RAWANG

MPS telah mengeluarkan notis dan merobohkan 1 unit bangunan di Lot 4318 Jalan Setia Batu 18, 48050 Rawang pada 26 Januari 2022 atas kesalahan bangunan binaan melebihi sempadan kawasan penyelenggaraan JKR Gombak. Tindakan perobohan ini dijalankan berdasarkan aduan daripada pihak JKR di bawah kesalahan pembinaan tanpa kelulusan mengikut Akta Seksyen 70 (1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Operasi telah diketuai oleh 8 orang daripada Jabatan Bangunan, dibantu oleh 10 orang daripada Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan dan 3 orang daripada Anggota PDRM.



ANGGOTA PANTAS MPS DAN JUGA BOMBA UNTUK KERJA-KERJA PEMOTONGAN POKOK TUMBANG

TERIMA kasih diucapkan kepada anggota PANTAS MPS dan juga bomba untuk kerja-kerja pemotongan pokok tumbang dan pembersihan di Jalan Templer, Rawang ekoran hujan lebat. Orang ramai dinasihatkan terus berhati-hati dan melaporkan sebarang kejadian bencana kepada pihak berkuasa



KDEB WASTE MANAGEMENT TELAH MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN



MPS bersama-sama pihak KDEB Waste Management melaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang dan jalan akibat kejadian tanah runtuh dan lumpur pasir di sebuah kawasan perumahan di Wangsa Permai, Kepong pada 1 Mac 2022.

Kerja-kerja pembersihan dilaksanakan secara manual oleh petugas MPS dan KDEB yang terlibat sebelum menggunakan jentera penyembur air MPS kerana longkang di kawasan runtuhan dipenuhi tanah.

OPERASI MEMBANTERAS PENJAJA WARGA ASING DI PASAR BORONG

OPERASI membanteras penjaja warga asing telah dijalankan pada 7 Mac 2022 di sekitar Pasar Borong Selayang. Sebanyak 16 bakul pelbagai jenis sayur-sayuran milik penjaja warga asing telah disita di bawah Seksyen 3, Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja MPS atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa permit.



OPERASI SITAAN JENTERA DI TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM KAMPUNG BARU KUNDANG

MPS telah menjalankan operasi sitaan jentera di tapak pembuangan sampah haram pada 29 Mac 2022 di kawasan Kg. Baru Kundang dan disertai oleh Jabatan Alam Sekitar dan Pejabat Tanah Daerah Gombak yang bertindak mengenai aduan aktiviti pembuangan sampah haram di lokasi tersebut.

Tindakan menyita sebuah jentera Backhoe JCB telah dilakukan dan 2 kompaun dikeluarkan kepada pengusaha tapak. MPS akan terus membuat pemantauan dan menjalankan operasi bersepadu dari semasa ke semasa dalam menangani isu pembuangan sampah haram ini.



PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN MPS DAN KDEB WASTE MANAGEMENT

SATU perlawanan bola sepak persahabatan antara Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan (JPSPK) MPS dan KDEB Cawangan Selayang telah berlangsung pada 28 Januari 2022 di Stadium MPS. Perlawanan ini turut disaksikan oleh Tuan YDP MPS; Tuan Timbalan YDP MPS; Tuan Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB; Encik Mohd Idris bin Mohamed Yusof, Pengurus Besar Operasi KDEB; Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah JPSPK MPS dan Encik Muhammad Fauzi bin Ibrahim, Ketua Operasi KDEB Cawangan Selayang. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dan hubungan dalam melaksanakan tugas terutama dalam pemantauan kerja kutipan dan pembersihan awam.



PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN MPS DENGAN MPHS

PERLAWANAN bola sepak persahabatan antara Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah berlangsung pada 18 Februari 2022 bertempat di Stadium MPS. Perlawanan ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dan hubungan sesama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Turut hadir, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS; Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha MPHS; dan Tuan Ahmad Faisal bin Baiduzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS.



TAHNIAH PASUKAN GOLF MPS, RANGKUL TEMPAT KE-3 KEJOHANAN GOLF SUKANUN 2022

KEJOHANAN Golf Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2022 anjuran Persatuan Badan Berkanun Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Institut Sukan Negara telah diadakan pada 13 Mac 2022 bertempat di Amverton Cove Golf & Island Resort, Pulau Carey. Sebanyak 23 : tempat ke-3 bagi kategori berpasukan
: agensi telah turut serta melibatkan seramai : manakala Mohd Azhar bin Md Yusof daripada
: 136 pemain bagi kategori VIP, individu dan : Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan
: berpasukan. : pula telah berjaya mendapat tempat ke-8
: Pasukan Golf MPS telah berjaya menduduki : terbaik daripada keseluruhan peserta.

